

Kenyataan Media Berkaitan Mesyuarat Khas Penggal Keempat Parlimen Ke-14 Bagi Dewan Rakyat

By : Media Statement

Date : 06/01/2022

KENYATAAN MEDIA YAB PERDANA MENTERI

MESYUARAT KHAS PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN KE-14 BAGI DEWAN RAKYAT

Mendalami kesusahan rakyat yang terkesan ekoran bencana banjir, satu Mesyuarat Khas Penggal Keempat Parlimen Ke-14 bagi Dewan Rakyat akan diadakan pada **20 Januari 2022**.

Mesyuarat Khas ini diadakan selaras dengan **Peraturan Mesyuarat 11(3), Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat** bagi membincangkan perkara berkaitan kepentingan negara iaitu banjir dan pasca banjir, penyelarasan bantuan kepada Keluarga Malaysia dan perancangan jangka panjang pengurusan bencana banjir.

Pelaksanaan Mesyuarat Khas ini telah disebarkan maklum dan mendapat perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

Mesyuarat Khas ini penting untuk memberi ruang kepada kerajaan menjelaskan kepada rakyat mengenai tindakan dan perancangan kerajaan menangani isu-isu banjir.

Sesi ini juga adalah platform terbaik untuk Ahli-ahli Parlimen mendapat maklum balas tentang isu banjir.

#KeluargaMalaysia

#BekerjaBersamaRakyat

DATO' SRI ISMAIL SABRI YAAKOB

PERDANA MENTERI

6 JANUARI 2022

Copyright of the Prime Minister's Office Official Website

Source: <https://www.pmo.gov.my/2022/01/mesyuarat-khas-penggal-keempat-parlimen-ke-14-bagi-dewan-rakyat/>